

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 3

### Tambah baik bantuan rakyat

Kerajaan perkenal pelbagai inisiatif baharu kepada golongan miskin

## Tambah baik bantuan rakyat

**PETALING JAYA** – Kerajaan menambah baik pelbagai bantuan untuk memperkasakan lagi usaha menaikkan taraf hidup rakyat di negara ini menerusi Belanjawan 2023.

Pelbagai inisiatif digariskan yang menumpukan kepada pengupayaan rakyat terutama golongan miskin agar dapat meningkatkan pendapatan mereka ke arah lebih baik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, salah satunya adalah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).


Beliau berkata, melalui inisiatif itu, kira-kira 130,000 rakyat susah tanpa mengira latar belakang kaum akan segera dibantu untuk keluar daripada belenggu kemiskinan.

"Antaranya, bantuan dan kemudahan kepada peserta tidak lagi diberikan sekali gus, tetapi secara bulanan dan dipantau sama ada sewa beli kelengkapan atau subsidi penggajian untuk majikan yang mengambil peserta miskin tegar bekerja," katanya pada pembentangan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, beberapa pendekatan baharu akan dilaksana untuk mengatasi kelemahan pelaksanaan lalu bagi meningkatkan keupayaan isi rumah miskin tegar meraih pendapatan.

Katanya, aktiviti ekonomi disertai hendaklah yang memenuhi keperluan komuniti setempat terutamanya sektor agropertanian dan makanan untuk memastikan permintaan berterusan.

Kata Anwar, program itu menyasarkan peserta meraih pendapatan antara RM2,000 hingga RM2,500 dalam tempoh pemantauan 24 bulan dan selepas itu dapat menjana pendapatan sendiri.



PELBAGAI inisiatif baharu akan dilaksanakan kerajaan bagi membantu golongan miskin. – GAMBAR HIASAN

"Kerajaan kini membayar bantuan kebaikan bernilai RM2.5 bilion kepada lebih 400,000 penerima," ujarnya.

Dalam pada itu, Program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 1 bagi golongan B40 akan dilakukan pembaharuan agar isi rumah yang benar-benar terkeban mendapat manfaatnya.

Jelas Anwar, antaranya pembaharuan yang dilakukan adalah isi rumah pendapatan kurang RM2,500 layak terima sumbangan sehingga RM2,500 bergantung kepada bilangan anak.

"Kerajaan juga akan memberi sumbangan tambahan RM600 kepada isi rumah penerima STR termiskin mengikut data e-Kasih," ujarnya.

Bagi menggalakkan lebih ramai orang bekerja sendiri menyimpang dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), kerajaan meningkatkan nilai sumbangan padanan i-Saraan kepada RM300 berbanding RM250 sebelum ini.

Untuk itu, kata Anwar, sebanyak RM30 juta disediakan untuk manfaat lebih 100,000 pencarum.

Kerajaan juga katanya, beriltizam untuk membantu rakyat membina semula simpanan persaraan bagi memastikan simpanan yang ada kelak mencukupi untuk membayai hari persaraan.

"Kepada ahli yang berumur antara 40 hingga 54 tahun dengan simpanan KWSP kurang RM10,000 di dalam Akaun 1, kerajaan bersetuju untuk menambah caruman simpanan sebanyak RM500.

"Program ini akan memberi manfaat kepada hampir dua juta ahli KWSP melibatkan peruntukan hampir RM1 billion," ujarnya.

Selain itu, individu yang sebelum ini diisyithar mufis melibatkan hutang kurang daripada RM50,000 akan dilepaskan serta-merta bermula 1 Mac ini.

Anwar memberitahu, langkah tersebut diambil susulan kerajaan akan meminda semula Akta Insolvensi 1967 supaya kes mufis

dapat dilepaskan secara automatik pada masa singkat.

Beliau berkata, kerajaan menyasarkan 130,000 rakyat dilepaskan daripada status mufis.

"Sementara menunggu pinjaman, kes-kes kecil yang hutang kurang RM50,000 yang memenuhi syarat akan dilepaskan seramai-mula mulai 1 Mac ini.

"Setakat Januari, lebih 260,000 ribu kes mufis telah direkodkan yang turut melibatkan anak-anak kita majoritinya Melayu yang mempunyai potensi menyumbang kepada ekonomi negara," katanya.

Dalam pada itu, bagi meningkatkan pendapatan minimum penoreh getah, kerajaan bersetuju menaikkan Paras Harga Pengakitan Insentif Pengeluaran Getah daripada RM2.50 kepada RM2.70 sen sekilogram dengan peruntukan RM350 juta.

"Ini dapat membantu meringankan beban ditanggung 320,000 pekebun kecil," ujarnya.